



KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA
SEKOLAH MENENGAH KEBANGSAAN TIARA PERMAI
NO.2A, JALAN 2/18A
TAMAN MASTIARA, JALAN IPOH
51200 KUALA LUMPUR



Telefon : 03-61794752
Faksimile : 03-62414679
E-mel : wea0260@moe.edu.my

Ruj. Kami : SMKTP.600-2/1/2 (22)
Tarikh : 01 November 2021

Semua Ibu Bapa / Penjaga
Murid Tingkatan 5

SMK Tiara Permai
Kuala Lumpur

YBhg. Dato'/Datin/Tuan/Puan,

PEMAKLUMAN KEHADIRAN MURID TINGKATAN 5 TANPA PENGGILIRAN

Dengan hormatnya saya merujuk perkara di atas.

2. Sukacita dimaklumkan bahawa Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) melalui kenyataan media bertarikh 29 Oktober 2021 mengumumkan institusi pendidikan bawah KPM yang telah mencapai kadar vaksinasi lengkap 90 peratus atau lebih bagi murid kelas peperiksaan awam dan antarabangsa dibenarkan beroperasi tanpa penggiliran mulai 8 November 2021. Keputusan ini dibuat hasil perbincangan bersama-sama Kementerian Pendidikan Malaysia (KKM) dan Majlis Keselamatan Negara (MKN) dengan mengambil kira kadar vaksinasi dalam kalangan murid kelas peperiksaan.

3. Sehubungan dengan itu, **semua murid Tingkatan 5 SMK Tiara Permai akan hadir ke sekolah tanpa penggiliran mulai 8 November 2021**. Jadual penggiliran yang dikeluarkan melalui surat SMKTP.600-2/1/2 (16) bertarikh 11 Oktober 2021 adalah terbatal.

4. Semua murid yang hadir ke sekolah wajib memakai pelitup muka sepanjang tempoh mereka berada dalam kawasan sekolah dan digalakkan memakai pelitup muka berganda dan pelindung muka. Pelitup muka berganda bermaksud pemakaian pelitup muka kain di atas pelitup muka perubatan. Murid juga dibenarkan memakai pakaian yang sesuai, kemas dan sopan sekiranya pakaian seragam sekolah yang ada tidak lagi sesuai dipakai.

5. Pihak sekolah akan memastikan semua Garis Panduan Pengurusan dan Pengoperasian Sekolah 3.0 yang dikeluarkan oleh KPM dipatuhi bagi menjamin keselamatan dan kesihatan semua murid. Kerjasama YBhg. Dato'/Datin/tuan/puan juga dimohon agar sentiasa mengingatkan dan memastikan anak/anak jagaan masing-masing memakai pelitup muka, menjaga jarak fizikal dan berada dalam keadaan sihat serta mematuhi Prosedur Operasi Standard atau *Standard Operating Procedure* (SOP) semasa hadir ke sekolah.

6. Sebarang pertanyaan mengenai perkara ini, YBhg. Dato'/Datin/tuan/puan boleh menghubungi guru kelas anak/anak jagaan masing-masing.

...2/-

Perhatian dan kerjasama YBhg. Dato'/Datin/tuan/puan dalam perkara ini amat dihargai dan didahului dengan ucapan terima kasih.

Sekian.

"WAWASAN KEMAKMURAN BERSAMA 2030"

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

Saya yang menjalankan amanah,



(HAJI AZMAN BIN AB KADIR, *AMW*)

Pengetua

SMK Tiara Permai

Kuala Lumpur